

3 JUN 2013

Aktiviti Tulisa tawar dadah dibongkar

LONDON - Seorang penyanyi dan bekas juri proram pencarian bakat nyanyian *The X Factor*, Tulisa Contostavlos berjaya dikesan oleh pemberita akhbar *The Sun* sedang berurusan untuk membekalkan dadah kelas AS.

Menurut akhbar itu semalam, Tulisa, 24, penyanyi itu dirakamkan memberitahu seorang pemberita *The Sun* yang melakukan penyamaran di sebuah restoran di sini.

Penyanyi tersebut memberitahu pemberita berkenaan yang sedang menyamar bahawa dia boleh mendapatkan dadah untuknya.

Tulisa memberitahu pemberita tersebut bahawa, dia mengenali seorang penjual dadah yang merupakan rakan baiknya.

"Dia (penjual dadah itu) merupakan seorang gengster," kata Tulisa kepada pemberita tersebut.

Pendedahan itu mengejutkan kerana dia mengendalikan urusan penjualan kokain bernilai £800 (RM3,763.25).

Tulisa memberitahu, dia boleh membekalkan dadah lain seperti kanabis.

Perbuatan penyanyi tersebut juga bertentangan dengan imejnya yang selama ini digambarkan sebagai seorang wanita contoh untuk para peminatnya yang terdiri daripada golongan muda.

Menurut penyanyi tersebut, dia tidak mengambil kokain tetapi mengendalikan urusan untuk mendapatkan bekalan dadah tersebut.

Tulisa turut menghubungi penjual dadah itu dan meminta sama ada dia boleh memperoleh bekalan dadah.

Namun, pada pertemuan pertama itu, Tulisa kemudian memberitahu, dia telah menamatkan panggilan telefon kerana perbualannya telah dirakam.

Dia kemudian berurusan dengan pemberita *The Sun* menerusi telfon dan memintanya menghubungi seorang penyanyi rap sambilan, Mike GLC.

Tulisa dan Mike GLC menjalin hubungan yang rapat sejak beberapa tahun lalu.

Sebelum ini, Tulisa telah berpisah dengan kekasihnya, Danny Simpson yang merupakan pemain kelab bola sepak Newcastle.

Pemberita tersebut kemudian menghantar dadah yang diperolehnya selepas membelinya daripada Mike GLC ke sebuah makmal untuk diuji.

Mike GLC menawarkan untuk menjual kokain pada harga £820 (RM3,857.33) untuk 14.17 gram kepada pemberita tersebut.

Hasil ujian di makmal tersebut menunjukkan ia merupakan kokain mengandungi campuran bahan benzokaina dan tetramisole. - Agensi

Artikel Penuh:

http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2013&dt=0603&pub=Kosmo&sec=Dunia&pg=du_08.htm#ixzz2V6rJjV97

Hakcipta terpelihara